



SIARAN AKHBAR

PELANJUTAN LANGKAH-LANGKAH INTERIM SEKTOR PERBANKAN

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) ingin memaklumkan mengenai pelanjutan perlaksanaan langkah-langkah interim bagi sektor perbankan, bagi para peniaga serta individu yang terkesan akibat pandemik COVID-19 selama enam bulan, bermula 1 Januari 2022 sehingga 30 Jun 2022.

2. Langkah-langkah interim yang telah diperkenalkan sejak April 2020 ini membolehkan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan untuk memberi kelonggaran kepada pelanggan mereka yang terjejas oleh pandemik COVID-19. Dari 8 Ogos 2021 sehingga 30 November 2021, sebanyak 1,192 permohonan telah diberi pertimbangan, di mana sebilangan besar daripadanya adalah bagi penangguhan pembayaran balik pinjaman/ pembiayaan bulanan buat sementara waktu [*temporary deferment*].

3. Seperti yang dinyatakan di bawah Rangka Kerja Pelan Pemulihan Kebangsaan COVID-19, Fasa Peralihan dan Fasa Endemik akan merangsang semula aktifiti perekonomian secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, BDCB memahami bahawa orang ramai, serta perniagaan, mungkin masih menghadapi aliran tunai yang terjejas dan seterusnya, memerlukan lebih masa sebelum mereka dapat meneruskan pembayaran bagi pinjaman/ pembiayaan mereka secara penuh. Bagi sebilangan pelanggan, kaedah penyelesaian pinjaman/ pembiayaan yang alternatif mungkin akan diperlukan.

4. Oleh yang demikian, BDCB akan memberi kelonggaran kepada beberapa peraturan perbankan bagi menggalakkan bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan untuk terus menawarkan bantuan yang bersesuaian kepada peminjam yang masih terkesan seperti berikut:

- a. Penangguhan pembayaran balik kemudahan pinjaman/ pembiayaan;
- b. Penstrukturkan semula kemudahan pinjaman/ pembiayaan peribadi dan kemudahan sewa beli seperti pembiayaan kenderaan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun;
- c. Penstrukturkan semula kemudahan pinjaman/ pembiayaan bagi sektor korporat;
- d. Penukaran baki kad kredit kepada pinjaman/ pembiayaan berjangka pendek [*term loan*] selama tempoh tidak melebihi tiga tahun. Ini adalah bagi individu-individu di sektor swasta, dan mereka yang bekerja sendiri [*self-employed*]; dan
- e. Semua bayaran dan caj bank tidak akan dikenakan (kecuali caj pihak ketiga).

5. Permohonan baru juga boleh diterima sepanjang tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, ini adalah tertakluk kepada penilaian, serta penelitian lanjut, bank-bank dan syarikat-syarikat kewangan. Dalam pada itu, para peniaga dan individu yang ingin memohon bantuan tersebut adalah dinasihatkan untuk menghubungi bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan masing-masing mengenainya.

6. Selain itu, bank-bank akan meneruskan bagi meniadakan yuran dan caj (kecuali caj pihak ketiga) bagi sebarang pemindahan dana secara atas talian (*online*) yang dibuat oleh pelanggan bank ke bank lain melalui sistem Real Time Gross Settlement (RTGS) dan sistem Automated Clearing House (ACH) selama enam bulan lagi sehingga 30 Jun 2022. Orang ramai digalakkan untuk meneruskan tren penggunaan pembayaran secara atas talian untuk kemudahan dan keselamatan bersama.
7. BDCB ingin mengongsikan bahawa sektor perbankan di Negara Brunei Darussalam adalah kekal berdaya tahan, kukuh dan mempunyai dana modal yang mencukupi. BDCB akan terus memantau kedayatahanan sektor perbankan, termasuk menyemak semula langkah-langkah berkenaan, mengikut kondisi semasa.
8. Untuk maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi bank-bank atau syarikat-syarikat kewangan mereka masing-masing, atau hubungi BDCB di talian 8318388 atau e-mel info@bdcb.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 22 Jamadilawal 1443H/ 27 Disember 2021M
Rujukan: BDCB/COMMS/3